

# USIM tersenarai di Apple iTunes U

» *Kandungan GOAL untuk kursus, program dikongsi dalam talian secara percuma*

Oleh Ziauddin Sharuddin  
zia@bh.com.my

► Bandar Baru Nilai

**K**erjasama dengan Apple Education Malaysia, membolehkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul sebagai universiti awam pertama di negara ini, disenaraikan dalam platform Apple iTunes U.

Kerjasama yang bermula akhir tahun lalu, diikuti dengan pen-

daftar USIM dalam platform Apple iTunes pada Februari, membuahkan hasil apabila diluluskan pada 28 April lalu.

Pengarah Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL) USIM, Profesor Dr Rozhan Mohammed Idrus, berkata penyenaaran dalam platform itu membolehkan kandungan yang diletakkan dalam GOAL digunakan sebagai perkongsian kursus dan program secara dalam talian oleh pengguna iTunesU di seluruh dunia secara percuma.

Setakat Jun lalu, katanya iTunes U USIM menempatkan 12 video dengan rekod akses menunjukkan bahawa pengunjung adalah dari pelbagai negara, termasuk Amerika Syarikat dan China.


“Usaha memperkayakan kandungan Apple iTunes U dimulakan dengan memilih dan menempatkan video Sumber Pem-

belajaran Terbuka USIM, yang mempunyai unsur integrasi naqli dan aqli,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Rozhan berkata, tindakan seterusnya ialah menempatkan tiga Kursus Dalam Talian Terbuka Besar (MOOC) ke dalam iTunes U menjelang akhir tahun ini, manakala penghasilan iBook akan diusahakan mulai tahun depan.

Katanya, Apple iTunes U adalah katalog terbesar bagi bahan pembelajaran percuma dari seluruh dunia dan menyediakan pendaftaran program atau kursus secara percuma dan tanpa had.

“Berkonsepan pembelajaran dalam talian, bahan yang dimuat naik dalam peranti Apple juga boleh diakses secara bukan dalam talian yang bermatlamat untuk memperluaskan akses kepada pendidikan dalam kalangan warga dunia,” katanya.



Kakitangan GOAL Centre menunjukkan platform Apple iTunes U@USIM yang dapat diakses dalam talian menggunakan gajet keluaran Apple.

[FOTO IHSAN USIM]